

# Seminar kebangsaan 1Malaysia di UMS

KOTA KINABALU: Sebanyak 101 kertas kerja akan dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan 1Malaysia di Dewan Kuliah Pusat (DKP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) 1-2 November ini.

Pemangku Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Dr. Lai Yew Meng memberitahu, hari pertama akan dimulakan dengan Majlis Perasmian oleh Naib Canselor UMS, Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Haji Ampang yang kemudian disusuli dengan sidang media.

Menyusul selepas majlis perasmian ialah Forum 1Malaysia selama dua jam yang melibatkan ahli-ahli panel berbilang kaum di Malaysia," kata Dr Lai.

Menurut Dr Lai, ahli-ahli panel terdiri daripada Prof. Emeritus Dr Ahmat Adam (bekas Dekan Pengasas PPIB, dan kini merupakan felo di Universiti Malaya, Tan Sri Datuk Seri Panglima Dr. Herman J Luping (tokoh dari Sabah), Prof. Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin (UKM), Prof. Dr. Teo Kok Seong (UKM) dan Dr. Kntayya Mariappan (UMS).

Tan Sri Herman adalah bekas Timbalan Ketua Menteri Sabah yang juga pernah menjadi Peguam Negeri, Prof. Datuk Shamsul pula merupakan Pengarah Institut Kajian Etnik (KITA) dan Penggerusi Jawatankuasa Pembentukan Modul Hubungan Etnik, Prof. Teo adalah pakar di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), manakala Dr. Kntayya merupakan pakar dalam bidang hubungan etnik di Sekolah Sains Sosial, UMS.

Dr Lai seterusnya mejelaskan, Seminar Kebangsaan 1Malaysia yang dianjurkan PPIB, UMS bertujuan untuk melihat konsep 1Malaysia dari sudut pandangan akademik, mengatasi pelbagai masalah dan kekeliruan berkaitan konsep 1Malaysia, mengenal pasti isu-isu dan cabaran dalam pelaksanaan konsep 1Malaysia serta memperkaya kandungan intelektual mengenai konsep 1Malaysia.

Pembentangan yang melibatkan kalangan ahli akademik dari seluruh negara meliputi pelbagai topik dan bersifat multidisiplin seperti etnik dan politik; agama, pendidikan dan media; bahasa, sastera dan budaya serta topik-topik umum lain yang relevan. Pembentangan disampaikan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.



Dr Lai Yew Meng